

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1989/90

Jun 1990

FKF 334 Kemoterapi

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) (i) Bincangkan bagaimana penggunaan antibiotik yang berlebihan boleh menyebabkan terjadinya superinfeksi.

(5 markah)

- (ii) Berikan kegunaan terapeutik kombinasi drug trimetoprim-sulfametoksazol.

(5 markah)

- (B) Apakah penukargantian-penukargantian yang boleh dilakukan ke atas struktur tetrasiklina untuk mengelakkan pembentukan anhidrotetrasiklina.

(10 markah)

2. (A) Terangkan mengapa satu larutan berair tetrasiklina akan mengurangkan keaktifannya.

(10 markah)

- (B) Terangkan kesan sampingan tetrasiklina.

(5 markah)

- (C) Terangkan kegunaan terapeutik kloramfenikol.

(5 markah)

3. (A) Berikan pengelasan drug-drug antimalaria berdasarkan struktur kimianya. Bagi setiap kelas, berikan satu contoh dan lukiskan strukturnya.

(12 markah)

- (B) Terangkan mekanisme tindakan, kegunaan klinikal dan kesan-kesan sampingan interferon.

(8 markah)

4. (A) Berikan nota ringkas tentang:

- (a) karbenisilin
- (b) perencat beta-laktamase serta contohnya
- (c) polimiksin B

(15 markah)

- (B) Bincangkan mekanisme am tindakan agen-agen antelmintik.

(5 markah)

...4/-

5. (A) Bincangkan kitar hayat virus dan tapak-tapak yang sesuai bagi tindakan drug.

(8 markah)

- (B) Bincangkan potensi penggunaan toksin di dalam rawatan kanser.

(7 markah)

- (C) Berikan pengelasan penisilin berdasarkan spektrum keaktifan antimikrobanya.

(5 markah)

6. (A) Kelaskan kumpulan antibiotik penisilin berasaskan hubungan struktur-aktivitinya. Bagi setiap kelas berikan satu contoh dan lukiskan strukturnya.

(8 markah)

- (B) Bincangkan kitar sel normal dan perubahan yang mungkin berlaku di dalam kitar sel kanser.

(7 markah)

- (C) Bincangkan kegunaan hormon di dalam rawatan kanser.

(5 markah)